



27 DEC, 2022

## Elak naik tarif elektrik dalam industri teknologi

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

## Elak naik tarif elektrik dalam industri teknologi

**Kuala Lumpur:** Industri teknologi perlu dikecualikan daripada kenaikan tarif elektrik untuk melindungi pengguna dan mengekalkan daya saing, menurut Persatuan Teknologi Kebangsaan Malaysia (Pikom).

Pengerusinya, Ong Chin Seong berkata, ia berikutan impak kenaikan tarif elektrik, pada akhirnya mungkin dilepaskan kepada pengguna.

“Banyak syarikat masih bekerja keras untuk membina kembali perniagaan selepas pandemik. Tambahan lagi, peningkatan harga elektrik akan menyumbang kepada inflasi,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurut Ong, pelaksanaan kenaikan tarif elektrik mungkin mengha-

lang syarikat multinasional (MNC) berpotensi untuk beroperasi di Malaysia di samping mendorong MNC yang beroperasi di negara ini untuk berhijrah ke negara lain.

Baru-baru ini, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan tarif elektrik kepada pengguna domestik, perusahaan kecil dan sederhana (PKS), syarikat pertanian dan pengeluar makanan.

“Jika dikenakan pun (kenaikan tarif elektrik) hanya terhadap MNC yang eksport kerana tarif terlalu rendah buat mereka dan subsidi itu tidak harus diberikan kepada syarikat gergasi yang untungnya tinggi,” kata Anwar.